

**Najib Rai Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah Pada Jamuan Tengah Hari
Bernama
4 September, 2012**

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor Selasa meraikan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah pada majlis jamuan tengah hari di sini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Majlis yang berlangsung di Seri Perdana itu adalah bersempena Perundingan Tahunan Pemimpin Malaysia-Brunei Darussalam ke-16 yang berlangsung di Putrajaya.

Perundingan itu merupakan acara paling penting dalam kalendar kedua-dua negara kerana ia merupakan mekanisme bagi perbincangan pelbagai isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691833>